

Jenayah Rogol Di Dalam Undang-Undang Islam

Dr. Nik Rahim Bik Wajis

Abstract

Fuqaha in the past normally did not distinguish between adultery and rape as for the two terms share many similarities. However, they considered rape as a forced adultery. The article separate the two acts in terms of their characteristics and the type of evidence needed for rape case and form of sentences to be imposed on the rapist.

Rogol di dalam istilah bahasa Arab disebut sebagai *ightisab* yang berasal dari perkataan *ghasb* yang bererti merampas atau mengambil sesuatu tanpa kerelaan.¹ Walau bagaimanapun, *ightisab* bukanlah makna yang khusus digunakan bagi rogol. Menurut Hans Wehr, makna *ightisab* boleh digunakan sebagai paksaan, pengambilan sesuatu secara kekerasan, rompakan, paksaan, pencabulan dan juga rogol.² Di dalam undang-undang Islam, para ulama tidak menggunakan istilah ini bagi membincangkan tentang masalah rogol bahkan mereka menggunakan istilah *al-zina bi al-ikrah* atau zina dengan cara paksaan.

Tidak ada definisi yang khusus dan jelas diberikan oleh para ulama tentang rogol. Lantaran itu satu definisi perlu diwujudkan bagi memberi gambaran yang sebenar tentang jenayah ini. Oleh kerana rogol mempunyai banyak persamaan dengan zina, maka definisi-definisi zina akan digunakan bagi mengambil ciri-ciri penting yang mempunyai persamaan dengan rogol.

Menurut mazhab Maliki, zina ditakrifkan sebagai:

"Persetubuhan antara lelaki dengan perempuan yang berakal lagi baligh yang bukan miliknya dengan kerelaan kedua belah pihak".³

Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad b. Hanbal pula mentakrifkan zina lebih kurang sama seperti pentakrifan yang dibuat oleh mazhab Maliki cuma mereka menambah bahawa:

"Persetubuhan sama ada melalui qubul atau dubur juga dianggap zina".⁴

Manakala Abu Hanifah pula tidak mengira bahawa persetubuhan melalui qubul itu sebagai zina.⁵ Zina menurut takrifan al-Zayla'i ialah:

"Persetubuhan yang tidak diharuskan dengan wanita yang hidup yang bukan milik atau yang bukan isterinya tanpa paksaan di dalam negara Islam".⁶

Daripada semua definisi yang diberikan di atas, definisi yang diberikan oleh al-Zayla'i dikira komprehensif kerana ianya merangkumi segala aspek penting di dalam zina. Definisi tersebut juga memasukkan satu faktor penting yang membezakan antara zina dengan rogol iaitu "tanpa paksaan". Walau bagaimanapun, satu lagi elemen yang penting yang boleh diambil dari definisi-definisi di atas ialah persetubuhan melalui dubur juga perlu dimasukkan bagi menyempurnakan takrifan zina. Elemen ini dikira sangat penting kerana beberapa faktor: Pertama; hubungan jenis adalah dibenarkan apabila seseorang itu telah berkahwin sedangkan hubungan jenis melalui dubur tetap diharamkan. Suami isteri yang melakukan liwat boleh dihukum menurut undang-undang Islam.⁷ Kedua, hukuman yang dikenakan kepada mereka yang melakukan liwat adalah lebih berat dari zina.⁸ Hukuman bagi liwat ialah direjam sampai mati tidak kira sama ada pesalah itu telah berkahwin atau masih bujang.⁹ Manakala di dalam kes zina pula, hanya mereka yang berkahwin sahaja yang akan dikenakan hukuman mati manakala mereka yang belum berkahwin dirotan sebanyak seratus kali dan dibuang daerah selama setahun.¹⁰ Dengan itu jelaslah bahawa hubungan jenis melalui dubur (liwat) juga perlu dimasukkan di dalam takrifan zina.

Setelah mengambil kira segala ciri-ciri yang penting dari definisi-definisi zina, maka jenayah rogol bolehlah didefinisikan sebagai:

"Hubungan jenis antara lelaki dengan perempuan yang bukan isterinya sama ada melalui kemaluan (qubul) atau dubur tanpa kerelaan perempuan tersebut".

Setelah diteliti antara definisi zina dan rogol, kita dapat bahawa di sana tidak ada perbezaan yang ketara kecuali di dalam satu perkara iaitu tentang cara jenayah tersebut dilakukan. Di dalam zina, jenayah tersebut dilakukan dengan kerelaan kedua pihak, manakala di dalam kes rogol pula, kekerasan telah digunakan.

Satu perkara yang menarik perlu diperkatakan di sini bahawa sesetengah ulama menganggap bahawa rogol adalah sama dengan zina. Al-Namir sebagai contoh ada menyatakan bahawa "hubungan jenis dengan seseorang wanita samada dengan kerelaan

Jenayah Rogol Di Dalam Undang-undang Islam

atau paksaan adalah dikira sebagai zina di dalam undang-undang Islam dan di dalam kedua-dua keadaan, pesalah akan dikenakan hukuman *hadd*.¹¹ Pandangan ini dikira kurang tepat kerana majoriti para ulama membedakan di antara dua jenayah ini meskipun ada banyak persamaan di dalam kedua-dua jenayah ini. Tambahan pula, jika rogol diletakkan di dalam kategori yang sama dengan zina, ini bermakna bahawa kedua-dua pihak iaitu lelaki dan perempuan akan dipertanggungjawabkan di atas perbuatan mereka. Pandangan ini tentunya bertentangan dengan prinsip asas di dalam Islam yang mengecualikan hukuman serta tanggungjawab apabila wujudnya paksaan (*ikrah*). Di dalam satu hadith Rasulullah bersabda:

*“Umatku akan diberi pengampunan di dalam tiga keadaan, tersalah, lupa dan yang dipaksa”.*¹²

Ciri-ciri Penting Di Dalam Rogol

Rogol sama seperti jenayah-jenayah lain di dalam Islam memerlukan syarat-syarat tertentu yang perlu dipenuhi sebelum satu-satu hukuman itu dijalankan. Di dalam artikel ini dua perkara yang akan dibincangkan. Pertama, bilakah satu-satu perbuatan itu boleh dikira sebagai rogol dan keduanya apakah hukuman yang patut dikenakan kepada pesalah tersebut.

Daripada definisi yang diberikan untuk rogol, di sana ada tiga elemen yang penting bagi mensabitkan sesuatu perbuatan itu sebagai rogol.

(i) Hubungan Seks

Apa yang dimaksudkan dengan hubungan seks di sini ialah apabila berlakunya kemasukan (*ilaj*) zakar ke dalam faraj.¹³ Apabila berlakunya “kemasukan” maka satu dari ciri penting di dalam rogol telah dilengkapi meskipun selaput dara wanita tersebut tidak pecah. Ini kerana bagi sesetengah wanita, selaput ini agak sukar untuk ditembusi.¹⁴ Dengan ini dapat dirumuskan bahawa sesuatu perbuatan itu tidak dikira sebagai rogol jika “kemasukan” itu tidak berlaku.

Adalah menjadi kebiasaan apabila berbincang tentang hubungan seks, ianya sudah tentu akan difokuskan kepada hubungan seks melalui faraj kerana adalah perkara biasa yang dilakukan oleh kebanyakan orang. Namun seperti yang dinyatakan sebelum ini bahawa jika sekiranya hubungan seks melalui dubur yang juga boleh dikira sebagai zina, maka dengan itu seseorang yang dengan tanpa kerelaan wanita mengadakan hubungan seks melalui dubur juga boleh dianggap sebagai rogol.

(ii) Tiada Kerelaan Wanita

Kerelaan wanita adalah perkara yang paling asas di dalam membezakan di antara zina dan rogol. Apa yang dimaksudkan dengan tiada kerelaan di sini ialah bahawa wanita itu tidak mahu atau tidak rela disetubuhi oleh lelaki itu.¹⁵ Ketidakrelaan wanita

ini dapat dikenalpasti melalui reaksi mereka apabila diserang. Menurut Kelly, 60 peratus daripada wanita yang dirogol melawan secara fizikal akan penyerangnya manakala 40 peratus mangsa menyatakan bahawa mereka tidak mahu disetubuhi.¹⁶ Walau bagaimanapun jika si mangsa itu tidak melawan kerana sebab tertentu seperti diberi dadah atau arak, maka si penyerang itu tetap dikira sebagai perogol.

Hubungan seks dengan gadis di bawah umur dengan kerelaannya tidak boleh dikira sebagai rogol kerana kanak-kanak itu telahpun memberikan kerelaannya meskipun mungkin tidak tahu akan akibat dari perbuatan tersebut. Oleh kerana kanak-kanak itu masih belum baligh maka tiada hukuman yang akan dikenakan ke atas mereka. Namun bagi lelaki yang melakukan perbuatan tersebut maka dia akan dikenakan hukuman *hadd* kerana melakukan zina.¹⁷

Apabila disebut tiada kerelaan wanita, maka dengan sendirinya ia merangkumi paksaan (*ikrah*) kerana sudah menjadi lumrah bahawa paksaan ini hanya akan berlaku jika tiadanya kerelaan. Jadi sekiranya seseorang wanita itu dipaksa untuk melakukan hubungan seks sama ada melalui ancaman senjata seperti pisau atau senjata api atau hanya melalui kekuatan fizikal, maka lelaki itu dikira sebagai perogol. Walau bagaimanapun ianya perlu dipastikan bahawa paksaan itu terus wujud sehingga selesainya hubungan seks itu.¹⁸

(iii) Status Perkahwinan

Status perkahwinan adalah merupakan salah satu dari elemen yang penting di dalam jenayah rogol. Ini adalah kerana seseorang itu hanya boleh dituduh dan didakwa melakukan jenayah rogol sekiranya yang dirogol itu bukan isterinya. Jika seorang suami memaksa isterinya untuk melakukan hubungan seks, perbuatan itu tidak boleh dikira sebagai rogol kerana suami mempunyai hak untuk mensetubuhi isterinya bila-bila masa yang dikehendakinya kecuali di dalam tiga keadaan iaitu semasa haid, nifas dan ketika berpuasa Ramadhan.¹⁹ Di dalam konteks ini, Rasulullah bersabda:

*“Apabila seorang suami mengajak isterinya untuk bersama, lalu isteri tersebut enggan memenuhi kehendak suaminya dan suaminya tidur di dalam keadaan yang marah, maka isteri tersebut akan dilaknat oleh para malaikat sehingga ke pagi”.*²⁰

Kesan Rogol Ke Atas Mangsa

Sebelum membincangkan tentang hukuman yang perlu dijatuhkan ke atas pesalah-pesalah rogol, adalah penting untuk membincangkan tentang kesan-kesan rogol ke atas wanita. Ini adalah bertujuan untuk melihat apakah hukuman itu nanti sampai dengan jenayah yang dilakukan.

Tidak syak lagi bahawa rogol membawa kesan yang amat buruk kepada kaum

wanita yang menjadi mangsa kepada jenayah ini. Kajian yang dibuat menunjukkan bahawa wanita yang dirogol akan mengalami gangguan fikiran yang amat serius. Mereka sentiasa tertekan, bimbang, hilang nafsu syahwat dan merasa tersisih dari masyarakat. Ramai juga mangsa rogol yang lari dari rumah dan melibatkan diri dalam pelacuran untuk menyara hidup mereka. Tidak kurang juga yang mula berjinak-jinak dengan minuman keras serta dadah dan juga yang membunuh diri akibat tekanan perasaan yang ditanggung.²²

Bagi wanita yang mempunyai pegangan agama yang kuat, kesan dari tekanan ini dikira lebih hebat kerana akibat rogol mereka terasa telah kehilangan maruah serta kemuliaan diri. Perkara ini mungkin tidak begitu dirasai oleh mereka yang bebas bergaul atau yang telahpun melakukan hubungan seks di luar nikah. Rogol di dalam kes ini tidak lain kerana mereka tidak merelai atau tidak mahu melakukan hubungan seks dengan lelaki tertentu sedang mereka telahpun melakukan perkara tersebut dengan orang yang disukainya meskipun mereka belum pun berkahwin. Di kebanyakan negara-negara Islam termasuk Malaysia, “dara” dikira sebagai lambang kesucian seorang wanita khususnya apabila mereka ingin mendirikan rumah tangga. Wanita yang kehilangan dara di anggap sudah tidak suci meskipun kadangkala selaput dara boleh hilang dengan sebab yang tertentu seperti kemalangan atau kerana terlalu aktif di dalam sukan dan sebagainya.²³

Dari kesan-kesan yang disebutkan di atas jelaslah bahawa rogol adalah satu jenayah yang amat serius kepada mangsa dan dengan ini para perogol perlulah dihukum setimpal dengan jenayah yang mereka lakukan ini.

Hukuman Bagi Perogol

Jika kita melihat kepada teks-teks lama yang ditulis oleh para ulama, kita dapat bahawa apabila mereka membincangkan tentang rogol atau “*zina bil ikrah*” atau di dalam istilah modennya sebagai *ighitisab*, mereka tidak membincangkan hukuman bagi perogol tetapi sebaliknya mereka lebih memberi penumpuan kepada mangsa rogol iaitu para wanita. Ibn Qudamah misalnya ada menyebutkan bahawa “wanita yang dipaksa melakukan hubungan seks tidak akan dikenakan hukuman *hadd* dan ini dipersetujui oleh majoriti ulama”.²⁴ Namun persoalannya sekarang kenapakah para ulama tidak membincangkan persoalan ini sedangkan ianya adalah suatu yang amat penting tidak kurang pentingnya dari zina. Untuk menganalisa sebab dan musababnya, maka elok rasanya dibawa satu peristiwa yang ada kaitannya dengan perkara ini. Semasa pemerintahan Umar r.a. seorang wanita telah dibawa mengadap di atas tuduhan berzina. Wanita tersebut bagaimanapun mendakwa bahawa dia sedang di dalam tidur dan tidak sedar sehingga dia disetubuh oleh seorang lelaki. Umar tidak mengenakan sebarang hukuman terhadap wanita tersebut.²⁵ Satu lagi peristiwa yang juga berlaku di zaman Umar yang juga tidak dikenakan hukuman hudud. Wanita ini sedang berada di dalam keadaan yang sangat dahaga. Apabila wanita tersebut meminta air kepada seorang lelaki, lelaki tersebut

enggan memberi air kepadanya kecuali jika wanita tersebut bersetuju untuk mengadakan hubungan seks dengannya.²⁶ Daripada peristiwa-peristiwa tersebut, kita dapat bahawa tidak ada kekerasan digunakan. Jadi dengan itu tidak perlu perbincangan yang khusus tentangnya. Wanita-wanita tersebut tidak dikenakan hukuman kerana mereka melakukan perbuatan tersebut bukan atas kerelaan mereka manakala lelaki-lelaki terlibat dikira telah melakukan zina kerana mereka tidak menggunakan kekerasan.

Untuk menentukan hukuman bagi perogol, perkara pertama yang perlu diberi perhatian ialah tentang apakah kategori jenayah ini? Apakah ianya termasuk di bawah hudud atau hanya *taazir*. Ibn al-Arabi pernah ditanya tentang masalah ini oleh salah seorang pengikutnya. Menurut Ibn al-Arabi, jenayah rogol adalah termasuk di bawah hudud iaitu *hirabah*. Tetapi pengikutnya tidak bersetuju. Beliau menyatakan bahawa hanya jenayah yang berkaitan dengan harta seperti rompakan sahaja yang boleh dikategorikan sebagai *hirabah* sedangkan rogol tiada kaitannya dengan harta. Ibn al-Arabi menjawab persoalan ini dengan bertanya bahawa tidakkah merogol itu lebih dahsyat dari merompak? Beliau menambah bahawa orang ramai biasanya tidak akan melawan untuk mempertahankan harta mereka sekiranya nyawa mereka diancam. Tetapi mereka sanggup menggadai nyawa demi mempertahankan maruah isteri dan juga anak-anak mereka.²⁷

Ibn Hazm juga bersetuju bahawa rogol dimasukkan di bawah jenayah hudud iaitu *hirabah*. Menurutnya “*muharib*” (penjenayah *hirabah*) adalah mereka yang membuat kekacauan dengan membunuh orang ramai, merampas harta benda mereka atau merogol.²⁸ Ismail juga menyokong pendapat ini. Beliau mendefinisikan *hirabah* sebagai “satu kumpulan bersenjata yang menakut-nakutkan orang ramai dengan membunuh, merompak, merogol atau membinasakan kebun-kebun tanaman mereka”.²⁹ Pendapat yang sama juga dipegang oleh mazhab al-Syafie, Maliki dan Mujahid.³⁰ Daripada pendapat-pendapat di atas jelaslah kepada kita bahawa rogol adalah salah satu jenayah yang termasuk di dalam kategori hudud iaitu *hirabah*.

Oleh kerana rogol telah dipersetujui oleh para ulama sebagai *hirabah*, maka tidak ada hukuman lain yang akan dijatuhkan ke atas perogol kecuali hukuman yang telah dinyatakan oleh al-Quran sama ada hukuman bunuh, salib, memotong tangan dan kaki secara bersilang atau dibuang daerah. Di dalam konteks ini al-Quran menyatakan bahawa:

*“Balasan bagi mereka yang memerangi Allah dan Rasul-Nya dan melakukan kerrosakan di muka bumi ialah dibunuh, disalib, dipotong tangan dan kaki secara bersilang dan dibuang daerah”.*³¹

Walau bagaimanapun bagi mempastikan bahawa hukuman yang dikenakan kepada perogol setimpal dengan jenayah mereka, maka kita perlu melihat terlebih dahulu kepada hukuman zina kerana rogol mempunyai banyak persamaan dengan jenayah zina. Jika di dalam zina yang tiada melibatkan kekerasan, hukuman minimanya ialah rotan

Jenayah Rogol Di Dalam Undang-undang Islam

seratus kali dan dibuang daerah selama setahun bagi mereka yang belum berkahwin dan hukuman rejam bagi mereka yang telah berkahwin, maka perogol tentunya patut dijatuhkan hukuman yang lebih berat. Dengan itu hukuman bunuh dikira sebagai hukuman minima bagi perogol.³² Qadi juga boleh memberikan hukuman tambahan bagi perogol mengikut pertimbangannya. Di dalam kes ini hukuman mati dikira tepat sebagai balasan kepada perogol sekiranya jenayah ini melibatkan kekerasan dan penggunaan senjata.

Nota Hujung

1. Lihat al-Namir Izat, Muhammad, *Jara‘im al-Ird Qanun al-Uqubat al-Misri*, Dar al-Arabia lil Mausu‘at, Kaherah, 1984, hal. 249.
2. Lihat Wehr, Hans, *A Dictionary of Modern Written Arabic*, Mac Donalds & Evans, London, 1980, hal. 675.
3. Pendapat mazhab Maliki ini lebih banyak menggambarkan tentang situasi umat Islam di kala itu. Pada ketika itu, wanita boleh dimiliki dengan cara perhambaan. Wanita yang dikahwini juga dikira sebagai milik mengikut pendapat ini. Lihat Imber, Colin, *Zina in Ottoman Law*, in Contributions a histoire economique et sociale de l Empire Ottoman, Association Pour Development des Etudes Turques, Paris, hal. 60.
4. Al-Suyuti, *Al-Ashbah wa Al-Nazair*, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, 1987, hal. 458.
5. Al-Kasani, *Al-Bada‘i al-Sana‘i*, Matbaah al-Jamaliyya, Cairo, 1910, vol. 7, hal. 33.
6. *Ibid.*
7. ‘Awdah, Abdul Qadir, *Al-Tashri Al-Jinai al-Islami*, Dar al-Turath, Cairo, Vol. 2, hal. 353.
8. Sabiq, Syed, *Fiqh al-Sunnah*, Dar al-Turath, Cairo, Vol. 2, hal. 362.
9. Al-Zuhaili, Wahbah, *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*, Dar al-Fikr, Syria, 1985, Vol. 6, hal. 66.
10. *Ibid.*, hal. 38.
11. Al-Namir, *op.cit.*, hal. 290.
12. Hadith diriwayatkan oleh Ibn Majah dan al-Bayhaqi, Lihat al-Bugha, Mustafa, *al-Wafī fi Syarḥ al-Arba‘ah al-Nawawiyah*, Dar Ibn Kathir, Beirut, 1986, hal. 327.
13. Al-Ramli, Shamsuddin, *Nihayat al-Muhtaj*, Matbaah Mustafa al-Halabi, Cairo, 1938, Vol. 7, hal. 402.
14. Al-Namir, *op.cit.*, hal. 253.
15. Al-Namir, *op.cit.*, hal. 255.
16. Lihat Kelly, Liz, *Surviving Sexual Violence*, Cambridge: Polity Press, 1988, hal. 170.
17. Lihat Nik Rahim Nik Wajis, “*The Crime of Hirabah in Islamic Law*”, Glasgow Caledonian University, 1996, hal. 178.

18. Al-Namir, *op.cit.*, hal. 259.
19. Lihat *al-Ashbah wa al-Naza'ir*, hal. 460.
20. Muslim, Abu Hussain Al-Nisaburi, *Sahih Muslim*, Cairo, 1334, A.H.
21. *Webster Ninth New Collegiate Dictionary*, London, 1985, hal. 10.
22. Lihat Kelly, *op.cit.*, hal. 171.
23. Lihat Nik Rahim Nik Wajis, *op.cit.*
24. Ibn Qudamah, *Al-Mughni*, Matbaah al-Imam, Cairo, 1964, Vol. 8, hal. 186.
25. *Ibid.*, hal. 403.
26. *Ibid.*
27. Ibn Al-Arabi, *Ahkam al-Quran*, Isa Halabi, Cairo, 1958, Vol. 2, hal. 247.
28. Ibn Hazm, *Al-Muhalla*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1988, Vol. 11, hal. 308.
29. Ismail, M. Bakar, *Al-Fiqh Al-Wadhih*, Dar al-Manar, Cairo, 1990, Vol. 2, hal. 257.
30. Al-Hafiz, Muhammad bin Ahmad, *Bidayah al-Mujtahid*, Dar al-Fikr, Cairo, Vol. 8, hal. 2.
31. Surah al-Maidah, ayat 33.
32. Hukuman mati juga dikenakan bagi perogol menuntut undang-undang Kuwait, Lihat al-Namir, hal. 249.